

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(92)
Tarikh : 23 Jun 2023

KENYATAAN MEDIA

PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG (PBBPP) MELANJUTKAN KERJASAMA DENGAN GRAB

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) berbesar hati mengumumkan kerjasama dengan Grab, sebuah syarikat terkemuka bagi meningkatkan keselesaan dan kemudahan pengunjung ke Bukit Bendera.

Kerjasama ini merupakan yang kedua antara PBBPP dan Grab berikutnya kejayaan kerjasama dari Mac 2020 sehingga Februari 2021 lalu. Matlamat kerjasama ini adalah bagi memberi pengalaman perjalanan yang lancar tanpa sebarang kerumitan kepada pengunjung, memastikan mereka dapat menikmati sepenuhnya perjalanan mereka ke destinasi ikonik, Bukit Bendera. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan masalah tempat letak kereta dan kesesakan lalu lintas di kawasan sekitar.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama ini, **6,000 kod promosi perjalanan menggunakan Grab bernilai RM5 setiap satu** akan disediakan kepada pengunjung Bukit Bendera. Kod promo ini adalah **eksklusif untuk perjalanan ke atau dari Bukit Bendera**. Promosi bermula dari **24 Jun 2023 hingga 23 Jun 2024** dengan **maksimum dua penebusan bagi setiap pengguna dan terhad kepada 500 penebusan pertama setiap bulan**. Jangan lupa gunakan kod promosi GRAB2PGHILL untuk menikmati diskaun!

Untuk meningkatkan lagi pengalaman pengunjung, kod promosi hanya boleh ditebus oleh pengguna yang membuat pembayaran perjalanan **melalui GrabPay**. Ia bagi menggalakkan transaksi yang lancar dan memastikan pengunjung boleh menikmati kemudahan pembayaran tanpa tunai.

Sebagai tambahan kepada kod promosi, kerusi Grab juga akan disediakan di kawasan Pick Up dan Drop Off bagi menyediakan tempat duduk yang selesa kepada pengunjung sementara menunggu trip perjalanan mereka. Tambahan pula, pembalut Grab juga akan dipasang pada tiang di kawasan yang sama bagi mewujudkan lokasi yang menarik secara visual dan mudah dikenal pasti untuk pengguna Grab.

Kerjasama antara Perbadanan Bukit Bendera dan Grab ini adalah bukti komitmen PBBPP untuk meningkatkan pengalaman pengunjung. Dengan menawarkan pilihan pengangkutan yang mudah dan ruang menunggu yang selesa, kerjasama ini bertujuan menjadikan perjalanan ke Bukit Bendera lebih menyeronokkan untuk penduduk tempatan dan pelancong sambil menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Untuk maklumat lanjut tentang promosi Grab, nantikan di laman sesawang (www.penanghill.gov.my) dan saluran media sosial rasmi PBBPP.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wmlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
litan@penanghill.gov.my